

# Kaji pelbagai aspek sebelum lupus kereta 'tua'

Um- 24/4/2007

CADANGAN Persekutuan Persatuan Syarikat Kereta dan Kredit Malaysia (FMCCAM) agar kereta-kereta 'tua' iaitu yang berusia 15 tahun ke atas tidak lagi berada di jalan raya di negara kita tentunya menarik perhatian dan membuka mata pelbagai pihak.

Dalam ruangan *Senyum Kambing, Utusan Malaysia* semalam, cadangan itu awal-awal lagi tidak dipersetujui dan sudah tentunya ramai lagi yang berpendapat demikian kecuali golongan yang berkepentingan dalam perniagaan kereta.

Satu langkah simbolik yang pernah diambil ialah menaikkan kadar bayaran insurans bagi kereta-kereta lama dengan harapan orang akan membeli kereta baru.

Alasan yang diberikan ialah kereta-kereta lama berisiko tinggi mengalami kemalangan dan sudah tentunya syarikat-syarikat insurans terpaksa membayar pampasan yang tinggi kepada pemilik kenderaan.

Dan kini cadangan seumpama itu timbul semula tetapi menggunakan pendekatan berbeza dan dilihat sebagai salah satu cara untuk meningkatkan jualan kereta nasional.

Saya berpendapat, sebelum cadangan ini dikemukakan kepada pihak atasan, adalah lebih baik dikaji terlebih dahulu kewaja-

rannya atau baik buruk cadangan ini.

Pertama, untuk menyelamatkan industri kereta nasional bukannya dengan cara melupuskan kereta-kereta 'tua'. Apa yang paling penting ialah industri kereta nasional mestilah mempertingkatkan mutu kereta supaya orang ramai meyakini produk-produk yang dikeluarkan.

Jika kereta yang kita hasilkan kurang dari segi mutunya termasuk dari segi reka bentuknya, bermakna kereta dari luar akan menjadi pilihan masyarakat di negara kita dan akan menjejaskan pengeluaran kereta tempatan.

Ramai yang membandingkan kereta tempatan dengan kereta dari luar yang mana kereta tempatan mudah rosak, kurang kukuh buatannya dan sebagainya.

Kedua, adalah lebih baik jika dikurangkan pengeluaran kereta nasional jika kita sudah tahu wujudnya masalah lambakan kereta disebabkan jumlah pembeli yang menurun.

Jika terus dikeluarkan dan menjadi lambakan sebegitu rupa, bermakna kita sengaja membazir dari segi kos. Buat masa ini Proton dan Perodua mengeluarkan lebih kurang 500,000 unit setahun dan jumlah ini sudah agak banyak jika dibandingkan dengan permintaan tempatan.

Ketiga, jika kereta-kereta 'tua' dilupuskan atau tidak dibenarkan lagi berada di jalan raya, ke mana kereta-kereta itu hendak dicampakkan? Kita mesti mengetahui bahawa kereta-kereta 'tua' selalunya dipakai oleh golongan kurang berada. Bagi orang kampung yang berpendapatan sederhana, mampukah mereka membeli kereta baru atau sanggupkah mereka menanggung beban hutang apatah lagi bagi mereka yang sudah lanjut usianya.

Keempat, kerajaan melancarkan kempen berjimat cermat dengan harapan rakyat negara kita berbelanja secara berhemah. Jika pelupusan ke atas kereta-kereta 'tua' dilakukan, bermakna kita menggalakkan rakyat berbelanja sakan, berhutang, dan membazir sedangkan apa yang ada masih boleh digunakan.

Kelima, kita juga tidak boleh menafikan keunikan kereta-kereta lama yang berada di jalan-jalan raya. Kereta-kereta lama ini sebenarnya dijaga dan ada kalanya lebih berkualiti daripada kereta-kereta baru. Malah, di negara kita, ramai yang menyertai pelbagai kelab kereta lama seperti kereta Volkswagen, Mitsubishi dan sebagainya. Bukankah kereta-kereta ini juga yang sering menjadi daya penarik orang ramai, turut terlibat dalam perarakan hari kebesaran, di sam-

ping menjadi pengiring pembesar negara ke sesuatu tempat?

Keenam, kita juga mesti memikirkan bahawa tidak kira kereta baru atau kereta lama, kereta akan tetap rosak jika digunakan. Apa yang perlu difahami ialah setiap kereta tidak kira lama atau baru mempunyai alat-alat ganti. Cuma bergantung kepada pemilik kenderaan sahaja untuk mengendalikan keretanya. Kereta lama pun menjadi baru jika dijaga. Kereta baru pun mudah menjadi lama jika tidak diselia dengan baik.

Paling penting ialah, setiap pemilik kenderaan lebih 'tahu' dengan kereta yang dimilikinya.

Oleh hal demikian, cadangan untuk melupuskan kereta-kereta 'tua' di jalan raya lebih banyak mendatangkan keburukan kepada masyarakat. Cadangan itu lebih menyenangkan golongan yang berkepentingan dan di pihak pengguna pula tidak sukar bagi mereka yang berada.

Masyarakat di negara kita juga sudah arif dengan setiap perubahan sesuatu peraturan. Kebanyakannya berbau keuntungan pihak-pihak tertentu sahaja, terutamanya golongan peniaga.

**- M. JASNI MAJED**  
**Bukit Kapar, Selangor.**